

Bekas pelajar IPTA disaran beri sumbangan

KUALA LUMPUR 24 Mac — Bekas pelajar institusi pengajian tinggi awam (IPTA) yang telah berjaya disarankan memberikan sumbangan berbentuk wang ringgit kepada mana-mana tabung pinjaman pendidikan.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, pelajar yang telah berjaya terutamanya yang mendapat pinjaman pendidikan seharusnya merasa berbesar hati untuk membantu pelajar-pelajar lain pula.

Bagaimanapun, beliau berkata, amat malang se-

kali terdapat ramai bekas pelajar IPTA di negara ini yang telah berjaya tetapi tidak berminat memberikan sebarang bentuk sumbangan.

"Mereka (bekas pelajar) bukan sahaja tidak memberikan sumbangan tetapi liat untuk membayar pinjaman yang telah diberikan," ujarnya.

Beliau berkata demikian ketika berucap di majlis Malam Yayasan Tunku Abdul Rahman (YTAR) 2004, di Hotel Shangri-La, di sini hari ini.

Turut hadir ialah isteri beliau, Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali dan Ahli

Lembaga Pemegang Amanah YTAR, Tan Sri Khir Johari.

Kata Mahathir, sikap mementingkan diri sendiri itu membuatkan ramai yang berkelayakan untuk melanjutkan pelajaran tidak dapat berbuat demikian kerana gagal menerima pinjaman.

Dalam pada itu, beliau juga merupakan bekas Pengerusi YTAR, meminta badan-badan korporat agar terus memberikan sumbangan kepada pihak pemberi pinjaman pendidikan yang tidak mendapat geran daripada kerajaan seperti YTAR.

"Kita berasa bertuah



DR. MAHATHIR MOHAMAD mengalungkan Pingat Emas Tunku Abdul Rahman kepada bekas pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia, Azlin Sabtu yang berjaya mendapat ijazah kepujian kelas pertama jurusan undang-undang di majlis Malam Yayasan Tunku Abdul Rahman 2004 di Kuala Lumpur malam tadi.

kerana negara ini mempunyai badan-badan korporat yang sanggup untuk membantu kerajaan memberikan pinjaman kepada pelajar-pelajar yang ingin melanjutkan pelajaran di dalam dan di luar negara," jelasnya.

Dalam majlis itu, Dr. Mahathir turut menganugerahkan Pingat Emas Tunku Abdul Rahman kepada 11 orang pelajar terbaik daripada 11 IPTA di negara ini yang memiliki pencapaian akademik cemerlang tahun lepas.

Mereka juga turut menerima sumbangan bernilai RM1,000 dalam bentuk sijil amanah saham sebagai penghargaan atas kecemerlangan mereka daripada Permodalan Nasional Berhad (PNB).